

Menegosiasi Cabaran Sosial

oleh

Rafiz Hapipi

Pengenalan

Laporan akhbar menyusuli laporan Tinjauan Keluarga Umum (GHS) 2005 memberi tumpuan terhadap dua tema yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat Melayu/Islam. Ia menekankan bahawa ekonomi Singapura sedang pesat berkembang, tetapi pada masa sama jurang pendapatan semakin lebar.

Apakah ertinya?

Secara am, ia bermakna dengan ekonomi semakin tumbuh pesat ada lebih banyak peluang untuk mencari rezeki lebih. Namun, sebahagian besar pendapatan itu diraih oleh golongan berpendapatan tinggi. Adakah masyarakat Melayu/Islam meraih manfaat dari ekonomi yang berkembang pesat ini?

STATISTIK 2006 DAN KEADAAN KELUARGA MELAYU

Untuk memulakan perbincangan, adalah berguna dikaji beberapa statistik utama masyarakat Melayu/Islam yang diterbitkan oleh Jabatan Statistik pada 2006. Perangkaan tahun 2000 dan perangkaan nasional relevan digunakan sebagai ukur tara.

Daripada data demografik umum, kami lihat masyarakat Melayu, secara relatif, lebih muda dan mempunyai nisbah tanggungan yang lebih tinggi. Ini adalah dua faktor penting yang menjejaskan imbalan pendapatan dan pengagihan pendapatan dalam masyarakat.

Imbalan ini perlu diberi perhatian kerana ia menandakan potensi untuk memperuntuk sumber bagi meningkatkan mutu hidup.

PENDUDUK MELAYU LEBIH MUDA

Antara 2000 dengan 2005, jumlah orang Melayu meningkat sekitar 31,000 orang. Berbanding dengan perangkaan nasional, masyarakat Melayu secara relatif merupakan penduduk lebih muda dengan usia median sekitar lima tahun lebih muda berbanding perangkaan nasional.

Pada 2005, orang Melayu berusia 15 tahun ke bawah membentuk 26.3 peratus penduduk Melayu, lebih tinggi berbanding perangkaan nasional 19.7 peratus.

NISBAH TANGGUNGAN LEBIH TINGGI

Nisbah tanggungan usia, iaitu nisbah tanggungan golongan tidak bekerja seperti pelajar dan suri rumah yang ditanggung oleh setiap 100 orang yang bekerja, kekal tinggi bagi masyarakat Melayu berbanding perangkaan nasional. Ini bermakna pendapatan yang diperolehi penduduk Melayu yang bekerja harus diagihkan kepada lebih ramai orang.

Sejajar dengan trend nasional, tanggungan berusia 65 tahun ke atas semakin meningkat, menandakan persaraan pekerja tua.

PENYERTAAN DALAM PASARAN BURUH

Penyertaan penduduk Melayu dalam pasaran buruh kekal rendah berbanding perangkaan nasional. Ada pengurangan hampir 3 peratus dalam pelibatan lelaki Melayu dalam pasaran kerja, yang mungkin disebabkan persaraan pekerja Melayu tua.

Harus diingat bahawa semasa tempoh data dikumpul, kesan kemelesetan 2003 mungkin masih terasa oleh mereka yang terlibat. Walaupun ada peningkatan dalam penyertaan wanita Melayu dalam pasaran buruh, jumlahnya kurang apabila dibandingkan dengan peringkat nasional.

Data 2005 itu juga menunjukkan bahawa 81 peratus wanita Melayu berumah tangga dalam golongan umur antara 15 dengan 64 tahun tidak aktif secara ekonomi, berbanding 74 peratus di peringkat nasional. Ini bermakna kurang 20 peratus keluarga Melayu merupakan keluarga yang mempunyai dua orang yang bekerja.

JENIS PEKERJAAN PEKERJA MELAYU

Terdapat perkadaran yang bertentangan dalam jenis pekerjaan orang Melayu jika dibandingkan dengan perangkaan nasional. Ini bermakna lebih ramai orang Melayu dalam pekerjaan berkemahiran rendah dan giat buruh, berbanding pekerjaan eksekutif dan berkemahiran tinggi.

Antara sebab utama ini berlaku ialah pendidikan rendah masyarakat Melayu, dengan 65.8 peratus pekerja Melayu tidak mempunyai kelulusan posmenengah.

Di kalangan mereka yang tidak bekerja dan tidak aktif secara ekonomi, 89.3 peratus tidak mempunyai pendidikan posmenengah.

PENDAPATAN INDIVIDU DAN KELUARGA

Bagi pekerja Melayu, pendapatan median naik \$10 kepada \$1,800 pada 2005 berbanding 2000 dan pendapatan median keluarga Melayu naik \$120 kepada \$2,830 dalam tempoh sama. Ini bermakna separuh pekerja Melayu mempunyai pendapatan \$1,800 atau kurang dan separuh keluarga Melayu mempunyai pendapatan \$2,830 atau kurang.

Perangkaan nasional pada 2005 adalah \$2,410 bagi pendapatan median individu (naik daripada \$2,230), dan \$3,830 (naik daripada \$3,610) bagi pendapatan median keluarga.

CIRI-CIRI EKONOMI MELAYU

GHS 2005 menunjukkan sekitar dua pertiga keluarga Melayu mempunyai pendapatan di bawah \$3,830 sebulan, yang merupakan pendapatan median bagi keluarga Singapura.

Harus diingat bahawa nisbah tanggungan juga tinggi di kalangan masyarakat Melayu, di mana saiz keluarga Melayu ialah 4.1 orang berbanding 3.6 orang di peringkat nasional.

Sekitar 22 peratus keluarga Melayu mempunyai enam atau lebih anggota dan 42 peratus mempunyai empat hingga lima anggota. Ini bermakna kadar pendapatan per kapita lebih rendah.

Tinjauan Perbelanjaan Keluarga (HES) 2003 menunjukkan purata perbelanjaan keluarga bulanan yang mempunyai dua hingga empat anggota ialah \$2,944 dan untuk keluarga lima hingga tujuh anggota ialah \$4,570. Perbelanjaan keluarga dalam kumpulan pendapatan 20 peratus bawahan pula ialah \$568 bagi setiap anggota.

Mereka yang berada dalam kumpulan pendapatan antara 20 hingga 40 peratus secara purata membelanjakan \$712 setiap orang.

Kajian di dunia barat menunjukkan bahawa mutu penjagaan awal dan pendidikan kanak-kanak lebih terjejas di kalangan keluarga berpendapatan rendah. Memandangkan peratusan golongan muda Melayu (hingga 19 tahun) tinggi, masalah itu akan meruncingkan lagi lingkaran kemiskinan yang disebabkan kurangnya persiapan persekolahan, yang akan menjejaskan pembangunan kognitif serta menyumbang kepada masalah keciciran di sekolah.

Namun, ada potensi untuk meningkatkan pendapatan keluarga Melayu memandangkan tingginya peratusan keluarga yang mempunyai hanya seorang yang bekerja. Masyarakat mungkin dapat memikirkan cara memberi bantuan kepada suri rumah untuk melakukan sesuatu bagi menambah pendapatan keluarga.

Juga dapat difikirkan ialah cara-cara menggembeleng sumber untuk mengurangkan kos perbelanjaan demi meningkatkan nilai dolar.

KEADAAN RUMAH TANGGA MELAYU

Perangkaan bandingan data 2000 dan 2005 menunjukkan peratusan Melayu bujang semakin meningkat, antaranya disebabkan mening katnya peratusan lelaki Melayu bujang antara 35 hingga 44 tahun.

Peratusan mereka yang berumah tangga juga berkurangan, sebaliknya peratusan perceraian Melayu meningkat.

Pada 2005, daripada 3,950 perkahwinan Melayu didaftar bersama ROMM:

- 64 peratus adalah antara pasangan Melayu
- 28.3 peratus adalah perkahwinan antara kaum
- 75.4 peratus perkahwinan antara kaum melibatkan seorang pasangan Melayu.
- 64.2 peratus antara lelaki dan wanita yang berkahwin buat kali pertama

Usia median perkahwinan pertama ialah 27.7 tahun bagi lelaki dan 24.7 tahun bagi wanita; sementara bagi perkahwinan semula ialah 39.9 tahun bagi lelaki dan 35.4 tahun bagi wanita. Perangkaan tersebut mantap bagi tiga tahun sebelum ini.

Tidak terdapat perubahan nyata bagi perkahwinan melibatkan mereka di bawah 21 tahun. Pada 2005, 3.5 peratus (140) pengantin lelaki di bawah 21 tahun, dengan 11 orang berusia 17 tahun ke bawah. Sebanyak 12.9 peratus (508) pengantin wanita pula di bawah 21 tahun, dengan 81 orang berusia 17 tahun ke bawah. Sebanyak 1,873 perceraian rumah tangga Muslim didaftar di Mahkamah Syariah pada 2005, iaitu 61 peratus merupakan perkahwinan selama 0-9 tahun dan 26 peratus perkahwinan 10 hingga 19 tahun.

Usia median untuk lelaki bercerai ialah 38 tahun dan 34.3 tahun bagi wanita.

Seramai 622, atau 33 peratus, daripada pasangan yang bercerai dalam 2005 tidak mempunyai anak di bawah 18 tahun.

ANAK-ANAK TERJEJAS OLEH PERCERAIAN

Pada 2005, terdapat sekitar 2,429 anak dalam tanggungan ibu bapa sudah bercerai. Antara 2003 dengan 2005, sekitar 7,535 anak dalam tanggungan terjejas oleh ibu bapa bercerai.

Memandangkan 60 peratus melibatkan perkahwinan di bawah 10 tahun, boleh dijangkakan sebilangan besar terdiri daripada kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan atau lebih muda.

Sebanyak 27 peratus daripada semua perceraian pada 2005 melibatkan pasangan Melayu/Islam. Sebanyak 60 peratus perceraian Muslim melibatkan pasangan berkahwin kurang 10 tahun. Perangkaan 2005 itu juga hampir seganda jumlah perceraian pada 1995.

Satu keprihatinan ialah kurangnya tumpuan masyarakat Melayu/Islam dalam menangani kesan perceraian, iaitu anak-anak yang masih dalam tanggungan. Walaupun ada usaha-usaha untuk mengurangkan jumlah perceraian, seperti kaunseling dan program menyelamatkan keluarga daripada bercerai, bantuan untuk ibu bapa tunggal dan anak-anak mereka lebih tertumpu pada bantuan kewangan dan khidmat perundangan.

Kurangnya perhatian pada golongan muda dan anak-anak kecil di masa mereka paling memerlukan bimbingan, sokongan dan kasih sayang dibimbangi akan meninggalkan kesan trauma di minda golongan muda ini.

Perangkaan juga menunjukkan bahawa keupayaan ekonomi atau kewangan rendah adalah antara faktor yang menyumbang kepada perceraian.

MERANGKUMI GOLONGAN BERPENGALAMAN

Seperti kaum lain, masyarakat Melayu/Muslim menghadapi isu penduduk semakin tua. Selain pelibatan warga tua di masjid dan pertubuhan Melayu/Islam, mungkin ada juga

keperluan mengadakan kegiatan-kegiatan yang membolehkan pengalaman dan pengetahuan warga tua ditimba.

MEMAHAMI CABARAN GLOBALISASI

Antara faktor terbesar yang menyumbang kepada jurang pendapatan yang semakin meluas adalah globalisasi. Dengan semakin banyak negara menyertai ekonomi global, menawarkan tenaga kerja mahir bagi sebahagian pendapatan yang dibayar di sini, pantas mengembangkan infrastruktur untuk menyelaraskan kemasukan syarikat berbilang negara (MNC) dan memperhalusi dasar-dasar negara agar menjadi lebih menarik kepada pelabur, tenaga kerja Singapura tidak mempunyai pilihan lain, tetapi harus bersaing.

Di Singapura, sebuah bandar yang tidak mempunyai sumber semula jadi, kecemerlangan dalam perdagangan, perniagaan, penye lidikan dan pembangunan, yang ditingkatkan lagi dengan profesionalisme pekerjaanya, adalah cara mencapai kemandirian dan kemajuan. Perhatian pada kuasa-kuasa global akan membantu kita menduga dan menuju ke jalan terbaik. Permintaan bagi sumber manusia telah beralih daripada keberkesanan semata-mata kepada kreativiti dan inovasi.

Sekilas pandang, keperluan tenaga kerja di Singapura telah beralih daripada sesuatu yang bergantung pada tenaga buruh semata-mata. Untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kesan globalisasi terhadap ekonomi, Forum Pemimpin Masyarakat, dalam Februari 2007, menghasilkan kertas kerja bertajuk Minda Global, Langkah Global dan memulakan usaha mendapatkan maklum balas melalui perbincangan kumpulan fokus mengenai Globalisasi.

Sementara kesan globalisasi terhadap masyarakat Melayu/Islam belum dinilai sepenuhnya, beberapa petanda sudah semakin jelas, seperti peri perlunya memiliki kemahiran maklumat, terutama dalam bidang informasi, bioperubatan dan sains sosial. Di sini, para elit dalam masyarakat boleh menawarkan bimbingan untuk menggalak pelajar Melayu/Islam mengecapi kemahiran dan keupayaan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran globalisasi.

GLOBALISASI BUDAYA

Selain globalisasi ekonomik, globalisasi budaya adalah satu lagi dimensi yang pantas mendapat sambutan. Meskipun globalisasi budaya adalah antara bentuk globalisasi paling awal, Internet dan teknologi perhubungan telah memecahkan halangan yang sebelum ini mengehadkan peredaran maklumat.

Berita, kejadian, tabiat sosial, gosip, idea, muzik, makanan, fesyen, gaya hidup dan banyak lagi pengaruh lain pantas disampaikan menerusi laman web, blog, laman perkongsian video dan lain-lain kaedah.

Satu carian Google mengenai sebarang topik yang dahulu disangka amat sensitif dari segi budaya atau politik akan menghasilkan senarai panjang. Maklumat yang dahulu dikongsi hanya di kalangan kumpulan-kumpulan sosial tertutup, atau disampaikan menerusi akhbar cetakan terpilih, kini 'terapung apung' dalam dunia maya tanpa batasan.

BELIA DAN BUDAYA 'PINJAMAN'

Dalam membincangkan isu melibatkan belia Melayu/Islam Singapura, adalah penting untuk kita diingati bahawa 43 peratus daripada penduduk Melayu berusia 24 tahun atau ke bawah. Kira-kira 131,000 adalah mereka yang berusia antara 10 dengan 24 tahun. Ini merupakan tempoh usia genting di dalam pembangunan mereka di mana tekanan-tekanan perubahan biologi dan emosi, pergaulan, pelajaran, keluarga dan tuntutan masyarakat amat dirasakan.

Ini tempoh di mana belia dituntut agar 'cepat dewasa dan memikul tanggungjawab', tetapi masih dilayan seperti kanak-kanak kerana mereka 'terlalu muda untuk memahami'.

BELIA MELAYU DAN TONJOLAN MEDIA

Dalam 2004, dilaporkan bahawa hampir separuh daripada 600 belia berusia 10 hingga 19 tahun yang dijangkiti penyakit-penyakit seksual adalah Melayu. Pada tempoh yang sama,

434 belia Melayu melakukan pengguguran, iaitu sepertiga daripada semua pengguguran, sementara 417 menjadi ibu.

Dalam 2005, jumlah belia Melayu yang menjadi ibu meningkat kepada 485, iaitu hampir separuh daripada semua kes kehamilan belia di Singapura.

Demi menggalak tanggungjawab dalam menangani masalah itu, Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) melancarkan kempen 'Lebih Sexy Katakan 'Tidak!' pada pertengahan tahun lalu. Ia menandakan kali pertama isu-isu seksualiti dan kehamilan remaja dibawa ke khalayak ramai.

Pendekatan lembut dipilih yang menggunakan visual dan perkataan-perkataan yang dipilih rapi. Ia juga telah menjalani satu proses perundingan dan maklum balas melibatkan golongan karyawan, asatizah, guru dan aktivis masyarakat. Yang jelas, isu keseksualan remaja tidak boleh ditangani secara berasingan.

Untuk golongan belia ia petanda kepada masalah kehamilan, bayi yang diabaikan, keciciran dari sekolah, stigma sosial, perkahwinan muda, masalah kewangan dan perceraian. Untuk si kecil, ia merupakan permulaan kepada kehidupan kurang pemakanan sihat, abaian emosi, pengani ayaan, tiadanya pendidikan awal kanak-kanak yang mungkin menyalurkan mereka kepada lingkaran kejahatan remaja.

Oleh itu, adalah perlu bagi mendapatkan persefahaman dalam isu-isu tersebut dan menggembleng sumber intelektual, kewangan dan logistik dalam menangani kesan-kesan sampingannya. Ada juga keprihatinan mengenai kesan daripada kemajuan teknologi, media, budaya Barat dan penghakisan budaya yang dianggap sebab penting yang menyumbang kepada pembangunan negatif belia. Ini mungkin benar tetapi ia merupakan sesuatu yang mungkin merugikan untuk menolak teknologi, media dan idea-idea Barat dalam melindungi budaya.

Yang lebih penting adalah untuk golongan dewasa berwaspada dalam mengawasi penggunaan media golongan muda. Penapisan mungkin tidak boleh terlaksana tetapi

hubungan membina, penjasam rasional apabila adegan yang tidak sesuai ditayangkan dan membimbing belia kepada penggunaan media yang bertanggungjawab mungkin lebih berkesan dalam jangka panjang.

BELIA DAN KESAN MEDIA

Dalam dunia teknologi tinggi, ada perkara biasa untuk keluarga mempunyai lebih daripada satu peti televisyen. Melalui Internet dan rangkaian komunikasi tanpa wayar, siaran berbilang media kini boleh didapati di alat-alat bimbis seperti komputer, alat MP4, PDA dan telefon bimbis.

Penggunaan media kini bersikap peribadi. Belia kini melibatkan diri dalam siaran media melalui podcasting, vodcasting dan blog peribadi.

Tiada jawapan pasti sama ada perubahan gaya hidup ini positif atau negatif. Cabaran lebih mendesak ialah untuk mendidik penggunaan bertanggungjawab dan mengelak salah guna teknologi.

DIAGNOSIS ISU-ISU BELIA

Kehadiran belia Melayu/Islam amat ketara kerana mereka membina sepertiga daripada penduduk Melayu/Islam. Kehadiran itu lebih ketara apabila statistik melibatkan belia di bidang seperti pencapaian pendidikan lemah, keciciran, kehamilan remaja, jenayah belia dan keganasan melibatkan bilangan belia Melayu Islam yang ramai.

Tidak harus dilupakan potensi belia secara am untuk pulih dan kembali ke pangkuan jalan, termasuk golongan besar belia Melayu/Islam yang menjalani gaya hidup dan yang sihat. Namun sebagai pelaburan untuk masa depan masyarakat, adalah penting untuk para pemimpin masyarakat menimbulkan isu-isu yang menjejaskan belia dan sekitaran mereka.

Bagaimanakah belia dinilai? Adakah mereka aset berharga atau masalah? Adakah mereka harusnya dididik mengikut acuan menyerupai generasi dewasa hari ini atau adakah

mereka akan dilengkapi kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk mengatasi cabaran-cabaran masa depan?

Jawapan yang lazim diberi adalah jelas - belia adalah aset dan mereka akan mewarisi masyarakat pada masa depan dan harus dilengkapi dengan kebolehan mengharungi cabaran-cabaran yang bakal dihadapi.

Namun, gambaran benar mengenai kedudukan belia dalam masyarakat dapat dilihat dalam pelbagai kegiatan belia. Di peringkat manakah penglibatan mereka dalam inisiatif tersebut dan apakah peranan mereka?

Semasa menilai belia Amerika Syarikat dalam sekitaran Perang Dunia Kedua, seorang pakar sosiologi, Karl Mannheim, berkata: 'Apa yang harus diajar kepada belia dan apa yang mereka harus pelajari bergantung sebahagian besarnya kepada bentuk sumbangan kepada masyarakat yang dijangka dilakukan oleh seorang belia.'

MENDEKATI BELIA

Soalan di atas dapat disesuaikan kepada sekitaran kita - sejauh manakah masyarakat Melayu/Islam menjangkakan golongan belia menyumbang kepada masa depannya dan masa depan negara?

Untuk menjawab soalan itu, ada keperluan menganalisis cara bagaimana belia digambarkan golongan dewasa. Ini dapat dilihat melalui khutbah, program-program sosial dan kerja sukarela.

Adakah belia hanya per hiasan? Adakah mereka sebahagian daripada proses perundingan? Jika ya, siapakah wakil-wakil mereka? Ini dan banyak lagi keputusan lain yang dibuat untuk pihak belia menunjukkan bagaimana masyarakat menilai belia sebagai aset paling berharganya untuk masa depan atau sebagai tanggungan paling berat hari ini.

Dengan adanya usaha menggalak belia melibatkan diri sebagai sukarela, bagaimanakah ia dapat meningkatkan kesedaran belia agar mengambil tanggungjawab untuk masa depan mereka? Adakah mereka melibatkan diri secara aktif atau mereka sekadar menjalankan apa yang telah dirancang sebelumnya? Adakah kita membezakan antara 'aktivisme belia' dengan 'kegiatan belia'?

Soalan-soalan sedemikian memerlukan imaginasi mengenai potensi belia dan kesungguhan utuh untuk mendampingi golongan muda dan sekali gus masa depan kita.

Secara ideal, imaginasi belia dan masa depan masyarakat harus mendorong rancangan-rancangan dan dasar-dasar yang dibentuk hari ini dan jika ini tidak boleh dilakukan, isu-isu yang dihadapi belia sebagai satu generasi harus selari dengan keprihatinan sosial yang lain.

BELIA MELAYU/ISLAM DAN SKEMA ETNIK

Singapura telah melalui pemerintahan sendiri sejak lebih 42 tahun lalu. Dalam usaha memodenkan negara ini, mengenali keadaan bangsa bukan saja membantu dalam mencernakan nilai dan idea tetapi juga menghadapi kesan-kesan modenisme.

Yayasan Mendaki, Majlis Pembangunan Masyarakat Cina (CDAC), Majlis Pembangunan Masyarakat India (Sinda) dan Persatuan Serani telah memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan dan sosial masyarakat masing-masing.

Di samping itu, pembangunan dan bantuan sosial yang digerakkan mengikut garis kaum turut diadakan menerusi program-program yang dijalankan oleh pelbagai badan kebajikan dan yang tidak mencari keuntungan.

Mungkin kebiasaan etnik adalah perlu bagi memberi keyakinan kepada generasi sebelum 1965 (yang melalui peristiwa penting), proses integrasi sosial menerusi sistem pendidikan, Perkhidmatan Negara dan sekitaran sosial lainnya telah membangunkan satu generasi baru yang mendakapi interaksi dan hubungan silang budaya.

Sebagai contoh, jumlah kahwin campur kini bertambah di Pejabat Pendaftaran Perkahwinan bagi orang awam dan untuk Muslim. Dalam sebuah masyarakat moden, dinamisme interaksi antara belia hari ini adalah berbeza daripada generasi sebelumnya.

BELIA JAGAT

Dalam memahami perubahan pesat di seluruh dunia hari ini, pembangunan belia memerlukan pendekatan segar melepasi sikap taat, patuh melulu dan keseragaman sosial. Seperti yang dinyatakan para pakar perihal penyejagatan, 'pemikiran kritis' berbanding 'patuh melulu', 'berani mencuba nasib' berbanding 'takut mencuba' dan 'membawa pembaharuan' berbanding 'ikut orang' merupakan antara ciri-ciri yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia tanpa sempadan.

Idea pendidikan yang di suapkan merupakan satu kebiasaan beberapa dekad lalu tetapi tidak disukai para pendidik hari ini. Sistem pendidikan alternatif kini muncul dengan pendekatan baru seperti belajar menerusi pemberian khidmat (service learning), pembelajaran menerusi tindakan (experiential learning) dan pembelajaran berteraskan permasalahan (problem-based learning).

ARAH MASA DEPAN

Karyawan Melayu/Islam dan pertubuhan dalam pelbagai bidang, termasuk badan kebajikan, pertubuhan seni, kumpulan sukan, kumpulan tidak rasmi di masjid-masjid, balai rakyat dan perniagaan mempunyai peranan penting untuk dimainkan dalam usaha masyarakat mencapai kecemerlangan.

Selain daripada keprihatinan utama terhadap masalah sosial berhubung kadar keciciran sekolah, perceraian, kahwin muda, remaja hamil luar nikah, pengangguran dan sebagainya, karyawan dan badan-badan Melayu/Islam boleh menjadi mangkin perubahan dan kemajuan.

Ini memerlukan usaha bersepadu dan kreativiti. Apa yang berjaya dilaksanakan dahulu tidak semestinya berjaya dilakukan hari ini. Nilai sosial yang diakui dalam konteks kehidupan kampung tidak mungkin sesuai bagi persekitaran sosial berbilang kaum di estet Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) sekarang.

Ia memerlukan usaha mencantas sesuatu nilai tradisi itu dengan teliti agar ia menjadi baik dan sihat, yang dapat menggalak pertumbuhan dan mengekal keamanan. Ini tidak bermakna tradisi yang tidak lagi boleh digunakan diketepikan atau diolok-olokkan tetapi harus dinilai dengan pemahaman bahawa tradisi itu telah memberi manfaatnya pada waktunya dan telah menyumbang kepada dinamisme masyarakat seperti yang dilihat hari ini.

Lebih penting lagi, dengan kemajuan pesat teknologi, tahap perubahan kini lebih pantas berbanding sebelumnya dan pertukaran budaya kini adalah lebih kerap, jadi adalah penting untuk menghargai dan memahami keadaan sekarang. Dengan pemahaman lebih baik tentang cabaran masa kini, tradisi baru harus dibolehkan tumbuh berdasarkan perkongsian nilai yang maju dan cemerlang.

Ini akan meningkatkan seruan bagi meningkatkan hubungan, dialog, kajian, bahas dan kerjasama antara karyawan dengan pertubuhan. Buah fikiran dan idea daripada pemimpin muda yang berpotensi juga dihargai serta ditambah dengan sumbangan daripada yang lebih tua. Akhirnya, keputusan mestilah dibuat berdasarkan matlamat dan keperluannya, berteraskan alasan moral yang kukuh.

MODAL INSAN

Pembangunan karyawan dalam pertubuhan Melayu/Islam tidak boleh dibiarkan kepada peluang sahaja. Proses ini menghendaki dedikasi kepada pelaburan bagi membina keupayaan. Membangunkan maklumat dan kebolehan memahami sektor sukarelawan Melayu/Islam akan meningkatkan tahap pemahaman kepada isu-isu yang dihadapi dan ini akan membolehkan sumber yang terhad disalurkan sewajarnya demi meraih pulangan terbaik.

RUMUSAN

Sejak sekian lama, masyarakat Melayu/Islam telah menunjukkan kemajuan dan peningkatan. Dalam beberapa bidang, individu Melayu/Islam begitu terserlah dan dalam arena jagat, usaha mencapai kecemerlangan telah melahirkan beberapa kejayaan dengan pujian diberikan kepada segelintir yang berani meredah gelombang penyejagatan di peringkat awal lagi.

Biarpun amat sedikit, peningkatan dapat dilihat dalam pencapaian pendidikan pelajar Melayu/Islam. Masyarakat melihat lebih ramai pelajar meneruskan pendidikan di institusi posmenengah seperti Institut Pendidikan Teknikal (ITE), politeknik dan universiti.

Mereka yang dicabar masa dan sumber kewangan, bersedia memanfaatkan sumber dana yang ada demi meneruskan pendidikan mengikut saluran alternatif bagi mengikuti kursus posmenengah di institusi swasta sambil mengekalkan kerjaya mereka.

Sedang ini merupakan satu pencapaian yang perlu diperakui, ia tidak harus memberi isyarat kepada masyarakat untuk lalai. Ancaman globalisasi terhadap buruh rendah kemahiran adalah nyata. Bagi pelajar, adalah tidak mencukupi untuk hanya mempunyai kelayakan posmenengah. Adalah perlu untuk mempunyai pendidikan posmenengah yang bermutu, yang bermakna mengikuti kursus yang sesuai dan lulus dengan pencapaian yang baik.

Bagi pekerja dewasa, peningkatan kemahiran adalah sesuatu yang perlu sentiasa diamalkan. Ini harus disertakan dengan tekad untuk berjaya, semangat untuk merubah nasib dan berani mengambil risiko serta membuat pilihan yang betul.

Bagi suri rumah, memasuki ekonomi menerusi cara kreatif bermakna menyumbang kepada sumber kewangan keluarga. Bagi warga tua dalam masyarakat, persaraan tidak bererti kehidupan menjadi tidak bermakna.

Pengalaman luas yang diraih selama ini dan masa yang diberikan memberi mereka peluang untuk menyokong kemajuan generasi muda dan masyarakat umum.

Artikel ini adalah terjemahan daripada kertas kerja berjudul “Surfing the Tide: Negotiating Social Challenges” yang diterbitkan di dalam buku Mendaki Policy Digest 2006 (Singapore: Yayasan Mendaki, 2007). Ianya diterjemah dan diulang-terbit dalam dua bahagian pada 31 Ogos dan 1 September 2007, di Berita Harian.